

Sikap 'Ali Baba' pemilik punca Chow Kit bertukar wajah

Kuala Lumpur: Selepas menguasai perniagaan di beberapa lokasi utama sekitar ibu negara, warga asing terutama Bangladesh kini meluaskan empayar mereka apabila hampir 70 peratus gerai di Lorong Haji Taib, Chow Kit di sini, di sini diusahakan mereka.

Tinjauan Harian Metro mendapati kebanyakan peniaga warga Bangladesh itu menjual pakaian terpakai (*bundle*), kasut terpakai,

jam tangan, beg dan pakaian berjenama tiruan di gerai yang disediakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Namun, ketika ditanya berhubung status pemilikan gerai terbabit hampir semua mereka mengaku hanya sebagai pekerja.

Bagaimanapun seorang peniaga tempatan yang mahu dikenali sebagai Mohd Ashraf berkata, kebanyakan warga asing itu adalah pe-

milik perniagaan dan menyewa tapak berkenaan dengan peniaga tempatan.

"Memang mereka punya (gerai) sebab dah bayar sewa kepada pemilik lesen, senang cerita (lesen) sudah di Ali Babakan.

"Ini bukan (perka-

mereka berniaga, kalau fikir logik memang tak ada warga asing yang ingin bekerja di pasar dengan gaji RM50 sehari," katanya ketika ditemui, hari ini.

Difahamkan, terdapat kira-kira 50 buah gerai di kawasan berkenaan dan beroperasi pada Sabtu

“Rasa pelik dan situasinya bukan seperti di Malaysia Mohd Afiq”

dan Ahad.

Sementara itu, pekerja swasta, Mohd Afiq Mohd Nasir, 28 melahirkan rasa kecewa melihat situasi di kawasan berkenaan.

"Saya ke sini untuk membeli seluar, memang rata-rata penjual dan tukang jahit adalah dari warga Bangladesh.

"Rasa pelik dan situasinya bukan seperti di Malaysia, mereka fasih berbahasa Melayu, malah pelang-

gan juga kebanyakan adalah warga asing," katanya.

Menurutnya, pemantauan dan tindakan tegas perlu diambil kepada kedua-dua pihak termasuk kepada warga tempatan yang menyewakan lesen kepada warga asing.

"Pihak berkuasa perlu ambil tindakan tegas, makin lama mereka ini semakin berani dan kini mula menguasai ekonomi di negara ini," katanya.